

# 2020 BANGKOK INTERNATIONAL INTELLECTUAL PROPERTY, INVENTION, INNOVATION AND TECHNOLOGY

*Prepared by Dr. Siti Sabrina Mohd Sukri*

Pada 2 – 6 Februari 2020 yang lalu, seramai 4 orang pensyarah dan beberapa orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menyertai pameran “2020 Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX 2020)”. Pameran ini telah berlangsung di Bangkok International Trade & Exhibition Centre (BITEC), Thailand. Pameran ini juga merupakan pameran antarabangsa tahunan yang diadakan di Bangkok dan melibatkan penyertaan dari pelbagai negara. Thailand mengiktiraf bulan Februari sebagai bulan pencipta yang bertujuan untuk menyediakan platform untuk memberi peluang perniagaan, kerjasama antarabangsa dan juga pelaburan. Dianggarkan lebih dari 1000 penyertaan inovasi dan lebih dari 20 000 pengunjung yang akan mengunjungi pameran tersebut. Ianya bukan sahaja pameran tahunan yang penting di Thailand tetapi juga merupakan salah satu pertandingan inovasi terbesar di Asia. Sebanyak 4 projek dari Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK) dipertandingkan semasa pameran inovasi tersebut. Tajuk projek inovasi yang dipertandingkan adalah GreenZeo: Zeolite from Steel Waste (FAU-EAFS), B-site Perovskite, A-WAQE Predictor: Artificial Neural Network Non-steady State Water Quality Prediction Model dan H-SPHERE: Innovative Healthy Functional Foods Based on Spherification & Encapsulation Technology. Projek-projek ini diketuai oleh Dr Hamizura Hassan, Cik Nadhratul Nur Ain Abdul Rahman, En Mohamed Syazwan Osman dan En Mohamad Sufian So’aib. Bermula dari 2 – 4 Februari 2020, projek inovasi tersebut dinilai oleh para juri yang dilantik oleh urusetia IPITEX.



Pameran ini juga dihadiri oleh ramai pengunjung dari serata tempat. Pameran ini berjaya memberi pendedahan kepada peserta untuk berkongsi hasil inovasi yang dihasilkan di samping mengembangkan jaringan komunikasi dan kerjasama di antara pencipta dan juga pihak industri. Projek yang diwakili oleh pelajar juga berjaya meningkatkan kemahiran *softskill* di kalangan mereka untuk membentangkan inovasi yang dihasilkan kepada juri dan pengunjung yang datang. Secara tidak langsung, ianya juga dapat meningkatkan keyakinan diri dan daya saing pelajar untuk berkongsi pendapat dan idea mereka kepada orang luar.



Hasil daripada pertandingan inovasi tersebut, sebanyak dua anugerah perak dan dua anugerah gangsa telah dimenangi oleh peserta yang mewakili Fakulti Kejuruteraan Kimia. Anugerah perak dimenangi oleh projek bertajuk *GreenZeo: Zeolite form steel waste (FAU-EAFS)* yang diketuai oleh Dr Hamizura Hassan dan projek *B-site perovskites* yang diketuai oleh saudari Nadhratul Nur Ain Abdul Rahman. Manakala anugerah gangsa di menangi oleh projek yang diwakili oleh pelajar FKK yang dibimbing oleh En Mohamed Syazwan Osman dan En. Mohamad Sufian So'aib yang bertajuk *A-WAQE Predictor* dan *H-SPHERE*. Penganugerah ini sekaligus dapat menaikkan nama Fakulti Kejuruteraan Kimia, khususnya cawangan UiTM Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Selain itu, ianya dilihat mampu memberi impak positif kepada perkembangan penyelidikan berteraskan inovasi dan kerjasama di peringkat antarabangsa. Penyertaan pertandingan invosi seperti ini harus diteruskan lagi pada masa akan datang untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan juga pensyarah untuk bersaing secara positif di peringkat antarabangsa.